

28 JAN 2001

Khalil-PAS

KHALIL NAFI UMNO ADA MUSLIHAT UNTUK BINCANG PERPADUAN MELAYU

KOTA KINABALU, 28 Jan (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob hari ini menafikan dakwaan pemimpin Parti Keadilan Nasional (Keadilan) kononnya Umno mempunyai muslihat tertentu dalam memulakan isu penyatuan Melayu.

"Kita serius dalam hal ini...tiada apa-apa pemikiran yang lain," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, sebelum berlepas ke ibu negeri, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Pemuda Keadilan Ezam Mohamed Nor di Terengganu semalam yang mendakwa Umno mungkin mempunyai muslihat untuk mengadakan perbincangan dengan parti pembangkang.

Ezam berkata Keadilan bersedia untuk mengkaji semula keputusannya menarik diri daripada perjumpaan dengan Umno jika skop perbincangan yang dicadangkan mengenai penyatuan Melayu diperluaskan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mencadangkan agar pemimpin-pemimpin Umno, PAS dan Keadilan mengadakan pertemuan bagi membincangkan isu perpaduan Melayu.

Bagaimanapun, Majlis Tertinggi Keadilan menolak pelawaan itu manakala PAS bersetuju untuk meneruskan pertemuan itu.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata kelewatan untuk mengadakan perjumpaan itu bukan sesuatu yang disengajakan sebaliknya ia disebabkan ketiadaan setiausaha Agung PAS (Nasaruddin Mat Isa) yang kini berada di luar negeri.

"Sebaik sahaja beliau (setiausaha agung PAS) balik ke tanah air...kita akan adakan perbincangan secepat mungkin."

"Dalam konteks ini Umno adalah terbuka...kita mulakan perjumpaan dengan agenda perpaduan Melayu," katanya

Khalil berkata walaupun setiausaha agung PAS masih berada di luar negeri, beliau ada berbincang dengan setiausaha kerja PAS mengenai perkara itu.

"Selaku setiausaha agung Umno yang diamanahkan untuk mengatur pertemuan itu, saya ada menghubungi beberapa kali setiausaha kerja Pas dan kali terakhir ialah Sabtu lepas," katanya.

Ini menunjukkan Umno sungguh-sungguh untuk menyatupadukan kaum Melayu di negara ini, katanya.

-- BERNAMA

NT PR